

Bab 2

Konsep dan Beberapa Aspek Peradaban

2.1. Pengenalan.

Bab ini akan membincangkan tentang makna perkataan adab dan juga aspek-aspek peradaban.

Peradaban berasal daripada perkataan *adab* (bahasa Arab) yang bermaksud:

- a. *Adab* ialah kesusastraan seperti puisi atau syair (yang juga sebahagian daripada *adab*).
- b. Adat resam, iaitu tingkah laku yang diulangi menjadi sebahagian daripada cara hidup misalnya adab makan, peperangan, memerintah dan sebagainya.

Oleh itu jika dikumpulkan kesemua makna adab, maka adab adalah tamadun kerana tamadun adalah cara hidup sekelompok manusia yang diamalkan sejak turun-temurun.

Menurut Kamus Dewan (1996), tamadun adalah:

1. keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik, dan lain-lain) yang tinggi, peradaban;

2. negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik, dan lain-lain) yang tinggi, peradaban;
3. budaya atau cara hidup orang-orang (negara, kawasan atau sesuatu zaman) tertentu, peradaban,
4. keadaan pemikiran (budaya dan moral) yang halus, peradaban.

Seterusnya peradaban atau tamadun itu boleh dirumuskan kepada tiga perkara asas, iaitu:

i. Merujuk kepada kehidupan manusia yang tinggi.

Dalam hal ini perlu dibezakan antara kemajuan kemanusiaan dan kebendaan. Walaupun kedua-duanya ada kaitan, namun tidak boleh disamakan. Dari aspek kemajuan kemanusiaan, *Sejarah Melayu* menggambarkan masyarakat Melayu Melaka telahpun mencapai taraf tamadun yang tinggi. Mereka telahpun mempunyai sistem dan peraturan-peraturan tertentu, misalnya cara-cara mengadap raja, pakaian yang bersopan, cara-cara menyambut tetamu dan sebagainya. Manakala dari segi kebendaan, istana Sultan Mansur Syah yang dibina oleh rakyat Melaka itu dikatakan sangat indah.

"Adapun besar istana itu tujuh belas ruang, pada seruang tiga-tiga depa luasnya; besar tiangnya sepemeluk, tujuh pangkat kemuncaknya. Pada antara itu diberinya berkapa-kapa, pada antara kapa-kapa itu diberinya bumbungan melintang dan bergajah-menyusu; sekaliannya bersayap layang-layang, sekaliannya itu diukir dan bersengkuap. Pada antara sengkuap itu diperbuatnya belalang bersagi; sekaliannya dicat dengan air emas. Kemuncaknya

kaca merah, apabila kena sinar matahari, bernyala-nyala rupanya seperti manikam. Akan dinding istana itu sekaliannya berkambi, maka ditampali dengan cermin China yang besar, apabila kena panas matahari bernyala-nyala rupanya, kilau-kilauan tiada nyata benar dipancang orang. Adapun rasuk istana itu kulim, sehasta lebarnya, dan sejengkal tiga jari tebalnya. Akan birai istana itu dua hasta lebarnya, dan tebalnya sehasta, diukirnya rembatan pintu istana itu empat puluh banyaknya, semuanya bercat dengan air emas. Terlalu indah perbuatan istana itu, sebuah pun istana raja yang di bawah angin ini tiada sepertinya pada zaman itu. Istana itulah yang dinamai orang ‘Mahligai Hawa Nafsu’; atapnya tembaga dan timah disiripkan.” (A.Samad Ahmad, 1986:143)

ii. Merujuk kepada bangsa atau umat yang mencapai kemajuan yang tinggi,

Dalam hal ini ketika mengkaji tamadun, kita tidak boleh memisahkan sesuatu tamadun dengan bangsa yang mengasaskan tamadun. Sebagai contoh tamadun Islam. Ia diasaskan oleh orang-orang Arab dan dalam tempoh masa yang panjang. Tamadun Islam telah sebarkan oleh orang-orang Parsi, Turki dan sebagainya. Manakala di Kepulauan Melayu tamadun Islam telah disebarluaskan oleh orang-orang tempatan¹.

iii. Proses diperadabkan atau memperadabkan.

Proses untuk mentamadunkan diri sendiri memakan masa yang panjang. Untuk mendirikan sebuah tamadun banyak institusi atau pihak yang akan terlibat. Dari sudut ini kita akan melihat sejarahnya. Antara

cara tamadun itu berkembang adalah melalui proses interaksi peradaban. Kedudukan Melaka yang sesuai sebagai pusat perdagangan antarabangsa itu menyebabkan ia didatangi ramai saudagar dari Arab, India, China dan Kepulauan Melayu sendiri. Antara tokoh yang datang ke Melaka seperti yang dinyatakan oleh *Sejarah Melayu* ialah:

a. Syed Abdul Aziz.

Beliau merupakan seorang mubaligh yang bertanggung jawab mengislamkan negeri Melaka. Sebelum ketibaannya, *Sejarah Melayu* mengatakan Raja Kecil Besar telah bermimpi bertemu Nabi Muhammad s.a.w. dan seterusnya mengislamkan Raja Kecil Besar. Manakala para pembesar dan rakyat telah dilaksanakan oleh Syed Abdul Aziz. Keturunannya telah dilantik menjadi kadhi di negeri Melaka.

b. Mani Purindam.

Berasal dari benua Keling (India) dan kemudian dikahwinkan dengan Ratna Sandari, anak perempuan Seri Nara Diraja. Keturunannya memainkan peranan penting dalam sejarah negeri Melaka. Antara tokoh penting yang berasal dari zuriat Mani Purindam adalah Raja Kasim, Seri Nara Diraja Tun Ali dan Bendahara Seri Maharaja.

c. Sidi Arab.

Datang ke Melaka untuk bermula. Tetapi ia dikatakan mempunyai panah sakti yang telah digunakan bagi menyelamatkan Melaka daripada serangan Cau Pandan, anak raja Siam.

d. Maulana Sadar Jahan.

Ia merupakan seorang ulama yang datang ke Melaka dengan menaiki kapal dari Jeddah. Ia sangat alim dan kerana itu ia menjadi guru kepada Sultan Mahmud Syah dan pembesar-pembesar istana Melaka.

e. Raja Mendaliar.

Berasal dari benua Keling (India) dan dilantik menjadi syahbandar kerajaan Melaka. Ia terlalu kaya dan berlawan kekayaan dengan Bendahara Seri Maharaja. Ia berkrisis dengan Nina Sura Dewana yang akhirnya ia sendiri dijatuhi hukuman bunuh oleh Sultan Mahmud Syah.

f. Nina Sura Dewana.

Nina Sura Dewana merupakan penghulu saudagar-saudagar di Melaka. Ia telah berkrisis dengan Raja Mendaliar. Nina Sura Dewana telah mempengaruhi Bendahara Seri Maharaja dengan memberinya hadiah (rasuah) kerana takut Bendahara akan dipengaruhi oleh Raja Mendaliar.

Kehadiran begitu ramai saudagar-saudagar asing ke Melaka telah memberi kesan ke atas perkembangan tamadun Melayu Melaka. Aspek kesan interaksi antara orang-orang asing dengan penduduk Melayu tempatan akan dibincangkan dalam Bab 4.

2.2. Unsur-unsur Asas Tamadun.

Jika ditinjau dari aspek makna, kata tamadun berasal dari perkataan Arab “*tamadun*” yang bererti budi bahasa dan kesopanan tingkah laku, yang berpunca dari kata kerja “*madana*” yang bermaksud memperhalus budi bahasa dan memperelok tingkah laku dan juga bererti membuka atau membuat bandar. Daripada kata “*madana*” terbit pula perkataan “*madinah*” bererti bandar. Perkataan “*madana*” bererti bersifat halus dan beradab sopan dalam budi bahasa dan tingkah laku manakala perkataan “*madani*” bermaksud orang yang berkelakuan seperti orang bandar yang bersifat halus dalam budi bahasa dan beradab sopan dalam tingkah laku².

Berdasarkan pengertian di atas, maka Hashim Musa (1997:2) menyimpulkan bahawa istilah “tamadun” boleh ditakrifkan sebagai sejumlah pencapaian dan pemerolehan dalam segala pelakuan, pemikiran dan penciptaan yang baik, halus, sopan dan santun bagi pembentukan peribadi, akhlak, tatasusila, adab, tingkah laku dan budi bahasa yang mulia bagi individu dan juga sesuatu kelompok manusia,

yang membentuk sebuah masyarakat atau negara bangsa (2). Tamadun boleh disamakan dengan perkataan “civilisation” dalam bahasa Inggeris.

Menurut Hashim Musa (1997:3) cara bagaimana sesebuah masyarakat bertindak ke atas alam persekitarannya untuk menguruskan penghidupan mereka secara kolektif, akan melahirkan ciri-ciri budayanya. Beliau menjelaskan lagi antara budaya dan tamadun ada terdapat perbezaan. Masyarakat yang berbudaya primitif, biadab (*barbaric*), berpindah randah (*nomadic*) dan bahkan masyarakat petani yang bertaburan (*dispersed agrarian*) tidak boleh dianggap sebagai masyarakat bertamadun. Oleh itu menurut Hashim Musa lagi, terdapat beberapa ciri yang asas yang harus ada untuk mencetuskan sesebuah budaya masyarakat bertamadun. Ciri-ciri asas tamadun yang utama ialah:

- i. Penempatan manusia di suatu atau beberapa pusat perbandaran (*madinah*),
- ii. Hayat penghidupan stabil yang agak panjang,
- iii. Wujudnya organisasi dan institusi sosial dalam bidang politik, ekonomi, sosialisasi dan pendidikan yang berdasarkan satu bahasa dengan tulisannya,
- iv. Adanya undang-undang, norma dan etos yang teratur dan berwibawa,
- v. Lahir serta meningkatnya daya kekaryawan sains, teknologi, falsafah, dan juga kekreatifan seni yang tersendiri yang membolehkan masyarakat itu mengatasi sebahagian besar dari masalah yang berkaitan dengan

keamanan, keselamatan, kesejahteraan dan kecekapan menangani penghidupan dalam alam persekitarannya.

vi. Pencapaian fizikal yang boleh dilihat dari segi penubuhan sebuah kerajaan atau empayar yang membesar melalui penggabungan beberapa pusat perbandaran yang berdekatan, peluasan sempadan ataupun melalui penaklukan.

vii. Pencapaian intelektual; yang boleh dilihat dari segi penemuan fikiran yang baharu ataupun penemuan, penyuburan dan penafsiran kembali fikiran yang lama yang membawaikan sistem falsafah, pemikiran, sains dan teknologi yang berwibawa dan bertenaga. (Hashim Musa, 1997:4-5)

2.3. Interaksi Peradaban.

Menurut Kamus Dewan (1996), interaksi bermaksud tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain, tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Melalui proses interaksi kita akan dapat memahami bagaimana proses pembentukan sebuah masyarakat *madani* atau bertamadun tinggi di Melaka. Tamadun Melayu yang berkembang di Melaka pada abad ke-15 itu telah dibangunkan hasil daripada proses interaksi antara peradaban yang melahirkan sebuah tamadun yang unik.

Menurut al-Farabi, manusia digelar haiwan sosial dan haiwan *madani* kerana pada tabiatnya manusia suka bercampur gaul dan menjalin hubungan dengan orang lain. Manusia juga ada kelemahannya

kerana itu memerlukan masyarakat untuk mencapai kesempurnaan dan kebahagiaan dirinya (Osman Bakar, 1998:57). Justeru itu gelaran masyarakat *madani* atau masyarakat bertamadun itu hanya boleh diberi jika ia dibentuk atas dasar bekerjasama bagi mencapai kebahagiaan sejati. Setiap anggota masyarakat melakukan kerjasama itu bukan untuk kepentingan diri tetapi untuk kepentingan bersama.

2.4. Masyarakat Madani.

Kalimat *madani* biasanya dipakai sebagai terjemahan perkataan *civil*, khususnya dalam konteks *civil government* dan *civil society*. Perkataan *madani* juga diertikan sebagai *civilized* atau bertamadun. Sehubungan dengan itu Ibn Khaldun menggunakan istilah *madaniyah* (peradaban dan kemakmuran hidup) di samping *madani* dengan perilaku sosial khusunya ketika merujuk sifat semula jadi manusia sebagai makhluk sosial. Konsep masyarakat *madani* menjadi tajuk hangat dalam satu seminar anjuran MINDS pada 19-21 September 1996 yang bertajuk *Masyarakat Madani Satu Tinjauan Awal*. Para sarjana yang membentang kertas kerja telah membincangkan konsep ini daripada pelbagai sudut. Chandra Muzaffar umpamanya telah membentang kertas kerja bertajuk "*Pembinaan Masyarakat Madani: Model Malaysia*", melihat masyarakat *madani* sebagai masyarakat di mana segala institusi antara individu dan pemerintah bergerak dengan tujuan mewujudkan suatu masyarakat yang menegakkan nilai-nilai makruf agar mewujudkan masyarakat bertamadun.

Menurut beliau lagi, di zaman feudal sudah ada unsur-unsur tertentu yang boleh disifatkan sebagai unsur-unsur yang penting dalam pembentukan masyarakat *madani*, walaupun belum wujud masyarakat *madani* dalam erti kata yang sebenar. Beliau memberi contoh badan-badan wakaf dan qariah bergerak mengikut prinsip syariah di luar kawalan sistem birokrasi dan sistem pemerintahan dalam zaman kesultanan Melaka. Walaupun istana menjadi pusat pemerintahan, pusat pendidikan dan pusat penyebaran agama Islam, namun *Sejarah Melayu* tidak menyebut mengenai soal-soal wakaf dan qariah. Tun Seri Lanang banyak memperlihatkan peranan baginda sultan dalam mempelajari agama Islam dan seterusnya memperkembangkannya.

Al-Farabi dianggap oleh Osman Bakar sebagai pengasas teori masyarakat *madani* bukan sahaja dalam konteks sejarah Islam tetapi juga dalam konteks sejarah dunia pada amnya. Menurut Osman Bakar lagi yang dimaksudkan dengan ilmu *madani* ialah ilmu ketamadunan atau ilmu peradaban, manakala haiwan *madani* ialah haiwan bertamadun atau haiwan beradab (*civilisation-making* atau *civilised animal*)³. Manusia digelar "haiwan sosial dan haiwan *madani*" kerana pada tabiinya manusia suka bercampur gaul dan menjalin hubungan dengan orang lain dan juga kerana manusia memerlukan masyarakat untuk mencapai kesempurnaan dan kebahagiaan dirinya. (Osman Bakar, 1996:57) Oleh itu masyarakat yang dibentuk atas dasar kerjasama untuk mencapai kebahagiaan sejati

bagi semua para anggotanya itulah yang layak digelar masyarakat *madani* atau masyarakat bertamadun dalam erti kata yang sebenar. Dalam masyarakat *madani*, seseorang anggotanya bekerjasama dengan anggota-anggota lain bukan semata-mata untuk kepentingan dirinya tetapi juga untuk kepentingan bersama. Manusia *madani* inginkan kesempurnaan dan kebahagiaan bukan sahaja bagi dirinya, bagi ahli keluarganya tetapi bagi semua manusia. (Osman Bakar, 1996:57)

Menurut Idris Zakaria ⁴, al-Farabi telah mengharmonikan antara falsafah dan agama. Falsafah dan agama bagi al-Farabi merupakan dua perkara yang bersatu padu dan tidak dapat dipisahkan, kerana kedu-duanya mencari dan menuju kepada kebenaran, dan antara kebenaran tak ada perbezaannya (Idris Zakaria, 1991:162). Konsep ini sememangnya tidak dapat dinafikan telah terdapat di Melaka. Dalam mencari kebenaran, pengorbanan harta mahupun nyawa amat diperlukan. Kisah Hang Tuah dibunuhan telah menyebabkan Hang Jebat mahu mencari kebenaran ⁵. Walau bagaimanapun perjuangannya itu tidak mendapat sambutan ramai kerana terkongkong dengan konsep daulat dan derhaka, akhirnya usaha Hang Jebat beroleh kegagalan. Malah orang yang diperjuangkan oleh Hang Jebat yang membunuhnya. Kegagalan Hang Jebat ini dapat dilihat kerana motif perjuangannya yang kabur dan tidak berlandaskan agama. Rakyat yang tidak berdosa turut menjadi mangsa.

Mungkin kerana itulah reformasi yang dibawa oleh Hang Jebat tidak mendapat sambutan rakyat.

Ibn Khaldun pula menerusi karyanya *Mukadimah*, menggunakan beberapa istilah, seperti *umran* dan *hadarah* sebagai merujuk kepada erti tamadun. *Hadarah* bermaksud, satu cara hidup bagi sekumpulan manusia yang menetap di sesuatu lokasi tertentu. *Hadarah* atau tamadun menurut Ibn Khaldun tidak lahir di kawasan-kawasan pedalaman, kerana kelompok *Badwi* (kelompok tidak berkemajuan) adalah bersikap menghalang tamadun. *Hadarah* atau tamadun itu merupakan gambaran bagi "kehidupan yang beradab pada tahap maju". Lawannya ialah *badawah* yang seringkali dikaitkan dengan hidup di pedalaman (jauh daripada kemajuan). Kehidupan *badawah* lebih banyak bersandar kepada pertanian dan ternakan untuk memenuhi keperluan hidupnya, sedangkan kehidupan *hadarah* lebih banyak bersandar kepada industri dan perniagaan⁸.

2.5. Pandangan Semesta

Sesebuah tamadun dikatakan berbeza dengan tamadun-tamadun yang lain. Perbezaan ini adalah disebabkan wujudnya perbezaan dari segi pandangan semesta atau *world-view* yang mendasari setiap tamadun itu. Pandangan semesta boleh ditakrifkan sebagai satu konsep berkenaan dengan cara-cara sesuatu masyarakat itu memberi interpretasi

terhadap masyarakatnya, kejadian alam, masa, ruang dan sebagainya (Mustafa Mohd. Isa, 1984:82).

Menurut Mohd. Taib Osman, pandangan semesta merupakan pengetahuan dan kepercayaan terhadap alam sekeliling yang terdapat pada sesuatu budaya. Pola-pola perlakuan dalam sesebuah masyarakat berdasarkan kepada sistem nilai dan *worldview* ini, kedua-duanya adalah hasil daripada proses *socialisation*. (Mohd. Taib Osman, 1983:11-12). Oleh itu, *Sejarah Melayu* sebagai sebuah teks sejarah yang dihasilkan dalam konteks peradaban Melayu pada satu-satu tahap perkembangannya menunjukkan dan mencerminkan satu corak worldview yang boleh ditinjau dari segi sejarah seperti yang telah dilakukan oleh Wolters dan ahli-ahli sejarah yang lain ataupun dari segi kaji masyarakat dan kebudayaan seperti yang dilakukan oleh Josselyn de Jong (Mohd.Taib Osman,1976:4).

2.6. Evolusi Pandangan Semesta Melayu

Sebelum wujudnya tamadun, orang-orang Melayu yang tinggal di kawasan hutan tropika menjalani cara hidup yang dipengaruhi oleh unsur-unsur alam sekelilingnya. Perubahan alam yang tidak dapat diramal seperti hujan lebat menyebabkan banjir, manakala panas terik menyebabkan tanah kering kontang. Perubahan cuaca yang sedemikian boleh menjelaskan hasil tanaman dan kehidupan mereka. Ini

menyebabkan orang-orang Melayu primitif menganggap unsur-unsur alam itu ada roh, nyawa dan penunggu. Roh perlu dipuja, disembah dan diberikan persembahan agar ia tidak mengancam kehidupan mereka. Kepercayaan sedemikian memang tergambar dalam *Sejarah Melayu*. Antara peristiwa-peristiwa yang ada menggambarkan kepercayaan terhadap roh (*animisme*) ialah:

- a. Ketika putera-putera Raja Suran menjelma di puncak Bukit Seguntang Mahameru, berlaku perubahan alam. Kejadian tersebut disaksikan oleh Wan Empuk dan Wan Malini.

“Cahaya apa gerangan di Bukit Si Guntang itu?
Bernyala seperti cahaya matahari terbit kelihatan.
Takut pula beta melihat dia.” Maka kata Wan Malini,
“Janganlah kita ingar-ingar, jika lau gemala naga
besar gerangan itu.” (A.Samad Ahmad.1986:20)

- b. Peristiwa Badang makan muntah hantu sehingga ia menjadi kuat dan seterusnya dilantik sebagai pahlawan Singapura.
- c. Hang Nadim menggunakan ubat guna-guna untuk melarikan Tun Teja.

Setelah kedatangan agama Hindu, orang-orang Melayu dipengaruhi pula ajaran agama Hindu. Antara peristiwa-peristiwa yang menggambarkan adanya unsur kepercayaan Hindu ialah:

- a. Penjelmaan di Bukit Si Guntang. Penjelmaan luar biasa itu disaksikan oleh Wan Empuk dan Wan Malini. Keesokan harinya mereka dapati padi tanaman mereka bertukar menjadi emas, berdaunkan perak dan

berbatangkan suasa. Konsep penjelmaan merupakan salah satu ciri ajaran Hindu di mana dewa-dewa boleh menukar dirinya menjadi manusia, binatang, tumbuhan dan sebagainya.

- b. Wan Empuk dan Wan Malini menemui putera-putera Raja Suran sedang menunggang seekor lembu putih. Lembu putih adalah binatang suci Hindu.
- c. Nama-nama putera Raja Suran itu menggambarkan nama dewa Hindu, iaitu Krisyna Pandita, Nila Pahlawan dan Nila Utama (Sang Si Perba). Nila Utama berpunca dari *Tilotamma*, Sang Si Perba berasal dari nama *Suprabha* dan Sang Meniaka (Shellabear, 1983) berasal dari nama *Menaka*. Ketiga-tiga tokoh ini *Suprabha*, *Menaka* dan *Tilotamma* adalah nama tiga orang bidadari yang terdapat di syurga dalam kepercayaan suci Hindu. (Yusof Iskandar, Abdul Rahman Kaeh, 1985 :83)
- d. Dalam Cetera 21 (Shellabear, 1983) menceritakan Raja Cempa mendapati mayang pinang yang terdapat di sebelah istananya mengandungi kanak-kanak lelaki yang akhirnya diberi nama Raja Pau Gelang. Penggunaan unsur penjelmaan dalam mayang pinang, buluh betung dan buih memang sering terdapat dalam sistem kepercayaan agama Hindu.

Pandangan semesta yang dipengaruhi Hindu itu bercampur-aduk pula dengan ajaran agama Islam. Raja-raja yang dipercayai berasal dari kayangan ataupun alam lain⁷ mempunyai kesaktian dan kuasa luar

biasa. Malah setelah kedatangan Islam, konsep raja yang berdaulat dan terbukti dengan adanya kuasa luar biasa itu diperlihatkan pada watak Sultan Mansur Syah. Baginda mengirim sembah ke negeri China, Raja Cina mendapat kedal. *Sejarah Melayu* menceritakan penyakit kedal yang dihidapi oleh Raja Cina itu sembuh setelah menyapu ke muka air basuhan kaki Sultan Mansur Syah.

2.7. Kesimpulan.

Usaha-usaha manusia menyesuaikan dan menguasai alam sekitar merupakan asas penting dalam pembentukan budaya dan tamadun. Perkembangan sejarah manusia itu juga dipengaruhi oleh pandangan semesta masing-masing terutama yang berkaitan dengan alam sekitarnya. Misalnya apabila manusia menghadapi kesukaran untuk mendapat bekalan makanan dengan tradisi mencari pucuk-pucuk kayu dan berburu, menyebabkan mereka beralih kepada bercucuk tanam dan berternak . Akhirnya tamadun terbentuk.

Menurut pendapat sesetengah sarjana ⁸, bagi masyarakat yang berhadapan dengan alam sekitar yang lebih mencabar didapati tamadun mereka lebih tinggi jika dibandingkan dengan masyarakat yang menghadapi alam sekitar yang kurang mencabar. Alam sekitar juga mempengaruhi cara manusia berfikir dan seterusnya menyelesaikan

masalah-masalah yang mereka hadapi. Sebagai contoh, sesebuah penempatan itu didirikan berdasarkan kepada:

- i. kemudahan untuk mendapatkan bahan binaan daripada alam sekitar,
- ii. pembinaannya dipengaruhi oleh cuaca dan kehendak agama dan kepercayaan warisan.

Alam sekitar turut mempengaruhi pembentukan pandangan semesta, nilai dan sistem kepercayaan sesebuah masyarakat itu. Unsur alam yang tidak menentu boleh memusnahkan tanaman dan ini dipercayai disebabkan adanya kuasa ghaib atau roh. *Sejarah Melayu* melaporkan, Raja Iskandar Syah membuat keputusan untuk meninggalkan Kota Buruk kerana tempat itu dipercayai ada kuasa roh yang mengganggu kehidupan mereka. Oleh itu unsur ghaib itu perlu dipujuk agar tidak mengganggu kehidupan manusia. Apabila datang agama-agama lain seperti Hindu dan Islam bagi masyarakat Melayu, unsur-unsur kepercayaan dan agama itu bercampur-gaul dan berlakulah proses asimilasi. Unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam misalnya dibuang namun unsur-unsur yang tidak bertentangan masih dikenalkan. Namun begitu kepercayaan-kepercayaan bidaah masih kekal sehingga sekarang.

Dari segi nilai, masyarakat Melayu digambarkan sebagai cuba mengharmonikan unsur alam sekitar dengan kehidupan mereka. Oleh itu seseorang anggota masyarakat harus menyedari:

- i. perlakuan-perlakuan yang patut menjadi amalan,
- ii. perlakuan-perlakuan yang dinilai rendah dan patut dielakkan sebagai contoh menderhaka adalah kesalahan yang paling serius dan hukumannya adalah yang paling dahsyat. Hang Jebat yang menderhaka dijatuhi hukuman bunuh. Setelah mati;

"Maka bangkai Hang Jebat pun ditarik oranglah, dibuangkan ke laut, maka segala anak bininya semuanya habis diumbut, datang kepada kaki tiang dan tanah bekas rumah pun habis digali dibuangkan ke laut". (A.Samad Ahmad,1986:142)

- iii. kehidupan yang sederhana adalah menjadi pegangan masyarakat Melayu. Kesederhanaan dapat mengharmonikan alam sekitar dengan kehidupan manusia. Manusia yang rakus terhadap alam, bukan sahaja tidak baik malah boleh memusnahkan kehidupannya sendiri dan memusnahkan tamadun yang telah dibina⁹.

Sejarah Melayu yang dihasilkan ketika masyarakat Melayu sedang menghadapi ancaman penjajahan Barat cuba untuk mengenang kembali kisah-kisah silam bagi mencari punca kepada kejatuhan Melaka. Tun Seri Lanang dengan pintar sekali berjaya menjalinkan realiti dengan khayalan. Dari segi realitinya bahawa Melaka sememangnya ada kelemahan, dan

kelemahan itu berpunca dari dalam. Tetapi kelemahan-kelemahan itu tidak diceritakan secara langsung. Tun Seri Lanang mengambil kisah-kisah mitos dan legenda yang berupa khayalan itu diolah semula sebagai alat untuk mengkritik pihak atasan yang menjadi punca utama kepada kejatuhan tamadun Melayu Melaka. Kezaliman Sultan Mahmud tidak diceritakan secara langsung. Kisah meminang Puteri Gunung Ledang diselitkan untuk dijadikan sebagai alat mengkritik kezaliman Sultan Mahmud.

Nota Hujung Bab 2.

1. Kebanyakan sarjana bersetuju bahawa agama Islam telah datang ke Alam Melayu ini melalui salah satu teori atau kombinasi dua atau ketiga-tiga teori iaitu Islam datang dari Arab, Islam datang dari China dan Islam datang dari India. Namun para sarjana bersetuju bahawa penyebaran agama Islam pada abad ke-15 ke seluruh Kepulauan Melayu telah dilakukan oleh penduduk tempatan sendiri. *Sejarah Melayu* melaporkan agama Islam telah disebarluaskan ke pulau-pulau lain di sekitar Kepulauan Melayu dari Melaka setelah Melaka memeluk agama Islam.
2. Institut Strategi Pembangunan Malaysia (MINDS) telah menganjurkan *Konvensyen Masyarakat Madani* pada 19-21 September 1966 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beberapa orang tokoh akademik telah membentangkan kertas kerja yang membahaskan konsep tamadun dan masyarakat madani dari beberapa sudut, Kertas-kertas kerja tersebut dimuatkan dalam buku *Masyarakat Madani Satu Tinjauan Awal*. 1998.
3. Hashim Musa membentangkan sebuah kertas kerja bertajuk *Konsep Tamadun dan Peranan Tamadun Melayu Islam Dalam Pembinaan Tamadun Dunia Dalam Era Globalisasi*, 3-4 Januari 1997. Dalam kertas kerja tersebut beliau membincangkan dengan ringkas konsep tamadun, unsur-unsur tamadun dan pandangan semesta tamadun Melayu. Beberapa pandangan dan pendapat yang terdapat dalam kertas kerja beliau akan dijadikan sebagai asas dalam menyediakan disertasi ini.
4. Osman Bakar membentangkan kertas kerjanya bertajuk Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani dan dimuatkan dalam MINDS.1996. *Masyarakat Madani Satu Tinjauan Awal*. MINDS:53-61. Beliau telah mengupas dengan ringkas pengertian ilmu *madani* yang dikemukakan oleh al-Farabi.
5. Hang Tuah berjaya melaksanakan tugasnya ketika di Majapahit. Ini menyebabkan Sultan mansur Syah menyayangi beliau dan menyebabkan pembesar-pembesar Melayu yang lain tidak menyenanginya lalu membuat fitnah sehingga Hang Tuah dijatuhi hukuman bunuh. Hang Jebat sahabat karib Hang Tuah sedar bahawa sahabatnya itu telah teraniaya, manakala Sultan Mansur Syah tanpa soal-siasat dan tidak diberikan hak untuk dibicarakan telah menjatuhkan hukuman bunuh. Hang Jebat sedar masyarakat Melayu masih mengamalkan ungkapan "Anak Melayu tidak menderhaka kepada tuannya". Oleh kerana itu Hang Jebat terpaksa mengambil tindakan secara bersendirian. Malangnya Hang Tuah sendiri membunuh Hang Jebat. Kebenaran yang diperjuangkan oleh Hang Jebat itu adalah sia-sia sahaja kerana tiada

sambutan, malah orang yang diperjuangkannya yang menentang dan seterusnya membunuh Hang Jebat.

6. Ibn Khaldun membuat perbandingan ciri-ciri utama "tamadun rendah" atau desa dan "tamadun tinggi". Menurut Ibn Khaldun manusia sebagai makhluk sosial, salah satu keperluan manusia adalah bekerjasama dan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Manusia mahukan organisasi dan kerajaan yang dipimpin oleh orang yang berkedudukan tinggi dan berwibawa. Tetapi asas kepada organisasi dan kemajuan kehidupan manusia ialah *asabiyah*, iaitu semangat kekitaan dan bekerjasama, atau *esprit de corps*, atau *social solidarity* dalam bahasa Inggerisnya. Apabila wujudnya *asabiyah*, sesuatu kelompok sosial mampu menubuhkan kerajaan, memperkembang kesenian, kraf (teknologi), sains dan perdagangan yang membawa kepada kemajuan dalam segala lapangan, termasuk pengeluaran barang mewah yang melampaui pengeluaran keperluan asas, seperti makanan, minuman dan tempat tinggal. Semua ini boleh berlaku apabila manusia tinggal menetap, maka lahirlah kehidupan bandar (Wan Hashim Wan Teh, 1997:74-75).
7. *World-view* sesuatu masyarakat itu dapat dikaji daripada pelbagai aspek kehidupan masyarakat, kerana dipercayai apa juga aktiviti, ekspresi dan institusi yang dilahirkan oleh masyarakat itu adalah berdasarkan kepada apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan mengikut adat atau peraturan masyarakat ataupun berdasarkan kepada keyakinan individu dalam melaksanakan tugas-tugas kemasyarakatan. Bentuk fikiran individu dan masyarakat pulalah yang menentukan pola-pola dan fungsi dalam karya-karya sastera yang dicipta oleh masyarakat itu (Mustapha Mohd.Isa,1984:83). Justeru itu *Sejarah Melayu* , sebagai hasil sastera yang dicipta oleh ahli masyarakat tentu sekali memperlihatkan corak pemikiran masyarakat itu mengenai alam, masyarakatnya dan makhluk-makhluk ghaib. Peristiwa-peristiwa yang berunsur mitos itu turut menggambarkan pandangan semesta masyarakat Melayu ketika itu. Sebagai contoh, peristiwa penjelmaan putera-putera Raja Suran di Bukit Seguntang Mahameru.
8. Karl Ritter berpendapat bahawa bentuk muka bumi sesebuah negara mempengaruhi perkembangan tamadun. Sebagai contoh, penduduk di benua Eropah amat maju berbanding dengan kawasan lain kerana muka bumi kawasan tersebut yang mempunyai pinggir pantai yang curam. Sungai-sungai memainkan peranan sebagai jalan pengangkutan yang menghubungkan kawasan pedalaman. Sementara itu pelabuhan dan pulau-pulau di pinggir pantai memudahkan pelayaran dan membantu hubungan dengan dunian luar. Manakala Arnold J.Toynbee berpendapat kesengsaraan hidup merupakan punca utama yang melahirkan tamadun yang tinggi. Penderitaan hidup telah merangsangkan manusia untuk

mencari jalan bagi membebaskan daripada belenggu tersebut. Tambahan pula ia juga memberikan kekuatan dari segi mental dan fizikal untuk menemui pencapaian baru (S.Sundara Raja, A.Letchumanan 1999:xii).

9. Seyyed Hossein Nasr memberikan pandangannya terhadap krisis alam sekitar dalam tulisan beliau bertajuk Islam dan Krisis Alam Sekitar (1993:51-82). Antara lain beliau berpendapat, dalam Islam manusia dan kosmos berada dalam kesatuan, harmoni dan saling melengkapi. Dari perpektif sejarah peradaban Islam, unsur keseimbangan antara manusia dan alam sekitar ditunjukkan secara langsung dengan wujudnya habitat manusia di perkampungan kecil, atau bandar besar. Hakikatnya perkampungan kecil merupakan benih kepada kewujudan sesebuah bandar, dan bandar merupakan inti kepada sesebuah peradaban. (Zaini Ujang, 1997:24)